

BH 19 JUN 2002

Perhimpunan agung

KUALA LUMPUR, Selasa – Perhimpunan agung MCA yang sepatutnya diadakan pada 29 Jun ini, akan ditunda kepada 27 Julai bagi membolehkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memrasmikannya.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata penundaan itu terpaksa dilakukan kerana

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) akan bercuti dan mengadakan lawatan ke luar negara termasuk Venezuela dalam tempoh itu.

Beliau berkata, penundaan itu diputuskan Jawatankuasa Khas Sembilan anggota pada mesyuarat yang dipengeruskannya hari ini.

Dr Ling berkata, keputusan jawatankuasa itu akan dikemukakan untuk kelulusan rasmi Jawatankuasa Pusat (CC).

Beliau berkata, perhimpunan agung Pemuda dan Wanita MCA pada 28 Jun ini akan diteruskan mengikut jadual.

“Penamaan calon bagi senarai ahli CC MCA, Pe-

MCA ditunda kepada 27 Julai

muda dan Wanita akan diadakan seperti dijadualkan iaitu pada 24 Jun bermula jam 1 hingga 5 petang. Selepas itu, mesyuarat CC akan diadakan,” katanya pada sidang akhbar di Wisma MCA di sini.

Dr Ling berkata, jawatankuasa itu yang ditubuhkan 2 Mei lalu untuk memastikan tidak wujud se-

barang pertandingan dalam pemilihan parti, juga melantik Naib Presiden parti, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy bagi menyelaraskan rundingan di beberapa bahagian MCA yang masih bermasalah.

Katanya, Ong dan Chan akan membantu Jawatankuasa Khas Tiga Anggota

yang mengambil alih tugas serta kuasa CC pergerakan itu sejak Disember lalu.

Pada 23 April lalu, kedua kumpulan yang bertelagah dalam MCA bersetuju mengekalkan kepemimpinan sedia ada sehingga 2005.

Kesepakatan itu dicapai sebagai menyokong pelan kedamaian dan kestabilan

yang dicadangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengakhiri kemelut dalam kepemimpinan MCA sejak lebih dua tahun lalu.

Bagaimanapun, ada beberapa bahagian belum mencapai persetujuan bagi mendapatkan satu senarai ahli jawatankuasa masing-masing.